



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Pencen (Pindaan) 1980**

**DR.22/1980**



Naskah sah—Bahasa Malaysia

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen 1980.

[1hb Julai 1980.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pencen (Pindaan) 1980 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 2 Akta Pencen 1980, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujung takrif "Skim Baru" dengan koma dan memasukkan selepas koma itu perkataan-perkataan "atau dari apa-apa penyediaan lain kemudiannya yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa."

Pindaan bagi seksyen 2. Akta 227.

3. Seksyen-kecil (1) seksyen 6 adalah dipinda dengan menggantikan noktah yang terdapat di hujungnya dengan koma bertitik dan memasukkan selepas koma bertitik itu perkataan-perkataan "dengan syarat bahawa, bagi persaraan di bawah perenggan (a) seksyen-kecil (5) seksyen 10, amaun pencen yang diberi tidak boleh kurang daripada satu perlima dari gaji akhir yang diterima oleh pegawai itu."

Pindaan bagi seksyen 6.



Pindaan  
bagi  
seksyen 9.

4. Seksyen 9 adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan koma bertitik dan memasukkan selepas sahaja koma bertitik itu perkataan “atau”; dan
- (b) menambah selepas perenggan (c) perenggan (d) baru yang berikut—

“(d) bersara di bawah seksyen 12A, dengan syarat pegawai itu telah mencapai umur lima puluh tahun.”.

Seksyen  
baru 12A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 12 seksyen baru 12A yang berikut—

“Persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan atau perubuhan antara-bangsa. 12A. Jika seseorang pegawai berpencen yang berumur kurang dari lima puluh tahun dilantik oleh, atau dilantik dengan kelulusan, Kerajaan Persekutuan untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan perniagaan dalam mana Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan, atau dalam mana-mana pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan Malaysia menjadi anggota, ia boleh disifatkan telah bersara dari perkhidmatan awam pada tarikh ia meninggalkan perkhidmatan awam, dan pegawai itu, jika sekiranya ia mati sebelum mencapai umur lima puluh tahun, hendaklah, bagi maksud seksyen 14, disifatkan telah mati dalam perkhidmatan.”.

Pindaan  
bagi  
seksyen 14.

6. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut—

“(2) Tertakluk kepada seksyen 16, pencen terbitan yang diberi di bawah seksyen-kecil (1) hendaklah kena dibayar selama tempoh tidak lebih daripada dua belas tahun setengah dari tarikh yang berikut selepas sahaja tarikh kematian pegawai itu, dan selepas itu penerima itu hendaklah, dengan syarat ia bermastautin di Malaysia, terus menerima tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu.”.



## 7. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan  
bagi  
seksyen 15.

(a) menggantikan seksyen-kecil (1) dengan yang berikut—

“(1) Tertakluk kepada seksyen 16—

(a) jika seseorang pegawai berpencen mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya dari perkhidmatan awam, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang amaunnya sama banyak dengan amaun pencen yang telah dibayar kepadanya selama tempoh tidak melebihi perbezaan di antara tempoh dua belas tahun setengah dengan tempoh persaraan pegawai yang mati itu; dan selepas itu pencen terbitan itu hendaklah terus kena dibayar mengikut kadar tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu; dan

(b) jika seseorang pegawai berpencen mati selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya dari perkhidmatan awam, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan yang sama banyaknya dengan tujuh puluh peratus dari pencen pegawai itu :

Dengan syarat bahawa apa-apa pemberian pencen terbitan selepas tamatnya tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

(a) telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; dan

(b) ialah seorang pemastautin di Malaysia.”;



- (b) memotong perkataan-perkataan “dalam tempoh dua belas tahun setengah” yang terdapat dalam seksyen-kecil (2); dan
- (c) menggantikan perkataan-perkataan “tempoh itu” yang terdapat dalam seksyen-kecil (2) dengan perkataan-perkataan “tempoh persaraan sebelum kematiannya”.

Pindaan  
bagi  
seksyen 16.

**8. Akta** ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan yang berikut—

“Terhenti-  
nya pencen  
terbitan.

16. (1) Pencen terbitan atau elaun bersara terbitan yang diberi di bawah Akta ini hendaklah terhenti jika penerimanya—

- (a) seorang balu atau duda, apabila berkahwin lagi;
- (b) seorang anak, lain daripada anak yang cacat otak atau hilangupaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri atau seorang anak yang disebut dalam perenggan (c), apabila berkahwin atau apabila mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana yang lebih dahulu; atau
- (c) seorang anak yang sedang mendapat didikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, apabila tamat atau berhenti mendapat didikan itu atau apabila berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.”.

Seksyen  
baru 16A.

**9. Akta** ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 16 seksyen baru 16A yang berikut—

“Terhenti-  
nya pencen  
bagi anak  
yang telah  
mencapai  
umur lapan  
belas tahun  
disifatkan  
sah.

16A. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 16, jika sebelum penyiaran Akta ini apa-apa bayaran mengenai pencen terbitan atau lain-lain faedah yang kena dibayar kepada seorang anak adalah terhenti setelah anak itu mencapai umur lapan belas tahun, penghentian itu dan apa-apa pembahagian pencen terbitan atau lain-lain faedah kepada mana-mana orang tanggungan lain berikutan dari penghentian itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sempurna dan sahny.



(2) Jika seksyen-kecil (1) adalah terpakai, tetapi anak itu layak di bawah Akta ini dibayar pencen terbitan atau lain-lain faedah, anak itu hendaklah, tertakluk kepada seksyen 16, dibayar bahagian pencen terbitan atau lain-lain faedah yang kena dibayar kepadanya mulai dari tersiarnya Akta ini.”.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 22 seksyen baru 22A yang berikut—

Seksyen  
baru 22A.

“Pencen  
serendah-  
rendah-  
nya bagi  
perkhid-  
matan  
penuh.

22A. Berkenaan dengan pencen yang telah dikira berdasarkan perkhidmatan yang boleh dimasukira selama tidak kurang daripada dua puluh lima tahun, amaun yang kena dibayar di bawah Akta ini tidak boleh kurang daripada satu ratus lapan puluh ringgit sebulan atau apa-apa amaun sebagaimana ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong dari semasa ke semasa melalui pemberitahu dalam *Warta*.”.

11. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan  
bagi  
seksyen 25.

- (a) menggantikan koma bertitik yang terdapat selepas sahaja perkataan “mati” dalam perenggan-kecil (ii) perenggan (a) dengan koma dan memasukkan selepas sahaja perkataan “dan” yang terdapat selepas sahaja koma itu perkataan-perkataan “selepas itu, dengan syarat penerima itu bermastautin di Malaysia, tujuh puluh peratus dari elaun yang diberikan itu;”;
- (b) menggantikan perenggan (b) dengan yang berikut—

“(b) jika seseorang pegawai sementara yang sedang menerima elaun bersara mati dalam tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya, elaun bersara terbitan yang sama banyaknya dengan elaun bersara pegawai itu boleh diberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu selama tempoh tidak melebihi perbezaan antara tempoh dua belas tahun setengah dengan tempoh



persaraan pegawai yang mati itu; dan selepas itu elaun bersara terbitan itu hendaklah terus kena dibayar mengikut kadar tujuh puluh peratus dari amaun yang diberikan itu;”;

(c) memasukkan selepas sahaja perenggan (b) perenggan baru (c) yang berikut—

“(c) jika seseorang pegawai sementara yang telah menerima elaun bersara mati selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh persaraannya, elaun bersara terbitan yang sama banyaknya dengan tujuh puluh peratus dari elaun bersara pegawai yang mati itu boleh diberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu:”;

(d) memasukkan selepas sahaja perenggan baru (c) proviso yang berikut—

“Dengan syarat bahawa bagi penerima yang disebut dalam perenggan (b) atau (c), apa-apa pemberian elaun bersara terbitan selepas tamatnya tempoh dua belas tahun setengah hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

(i) telah berkahwin dengan pegawai yang mati itu semasa pegawai itu masih dalam perkhidmatan; dan

(ii) ialah seorang pemastautin di Malaysia.”

#### HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pencen 1980.

2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan dalam takrif “Skim Baru” apa-apa penyemakan gaji di masa akan datang yang dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

3. *Fasal 3* memperuntukkan pencen minimum sebanyak satu perlima dari gaji akhir yang diterima oleh pegawai berkenaan sekiranya bersara atas sebab-sebab perubatan.

4. *Fasal 4* bertujuan memperuntukkan bahawa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah boleh juga diberi kepada pegawai berpencen yang disifatkan telah bersara di bawah seksyen baru 12A (*lihat Fasal 5*) dan telah mencapai umur lima puluh tahun.



5. *Fasal 5* mengadakan suatu seksyen baru iaitu seksyen 12A. Seksyen 12A memperuntukkan bahawa jika pegawai berpencen yang berumur kurang daripada lima puluh tahun dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan dalam mana Kerajaan mempunyai kepentingan atau dalam pertubuhan antarabangsa yang mana Kerajaan Malaysia menjadi anggota, dia boleh disifatkan telah bersara, dan sekiranya dia mati sebelum mencapai umur lima puluh tahun dia hendaklah disifatkan telah mati dalam perkhidmatan.

6. *Fasal 6* mengadakan peruntukan supaya pencen terbitan terus dibayar selepas tempoh dua belas tahun setengah berikutan dengan kematian pegawai yang mati dalam perkhidmatan, tetapi apa-apa bayaran yang dibuat selepas tempoh ini hanyalah sebanyak tujuh puluh peratus dari pencen penuh.

7. *Fasal 7* memperuntukkan bahawa pembayaran pencen terbitan kepada penerima bagi seseorang pegawai yang mati selepas bersara hendaklah melampaui tempoh dua belas tahun setengah yang berikutan dari tarikh persaraan pegawai yang mati itu; tetapi apa-apa pembayaran yang dibuat selepas tempoh ini hanyalah mengikut kadar tujuh puluh peratus dari pencen penuh.

8. *Fasal 8* bertujuan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen baru. Seksyen baru itu menyatakan bahawa seseorang balu atau duda hendaklah dibayar pencen terbitan atau elaun bersara terbitan untuk selama hayat, akan tetapi bayaran itu hendaklah terhenti apabila berkahwin lagi. Seksyen baru itu menyatakan lagi bahawa seseorang anak yang cacat otak atau hilangupaya jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri hendaklah dibayar pencen terbitan atau elaun bersara terbitan untuk selama hayat. Berkenaan dengan anak yang normal yang mendapat didikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi tidak melebihi pelajaran yang menuju ke arah ijazah pertama, ia hendaklah dibayar pencen terbitan atau elaun bersara terbitan itu sehingga ia menamatkan atau berhenti menerima didikan itu atau sehingga ia berkahwin, mengikut mana yang lebih dahulu.

9. *Fasal 9* bertujuan mengesahkan tindakan menghentikan pencen yang diambil sebelum penyiaran Akta Pencen 1980 bagi seseorang anak yang telah mencapai umur lapan belas tahun.

10. *Fasal 10* bertujuan membuat peruntukan mengenai pencen minimum bagi perkhidmatan penuh bagi seorang pegawai yang telah berkhidmat selama tempoh sekurang-kurangnya dua puluh lima tahun.

11. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 25 untuk mengadakan peruntukan mengenai pembayaran elaun bersara terbitan mengikut kadar tujuh puluh peratus dari elaun bersara penuh selepas tempoh dua belas tahun setengah dari tarikh pegawai itu bersara atau mati.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U<sup>2</sup>) 1048.]